

TINGKATAN 1 (BAB 4) : PENGASASAN KESULTANAN MELAYU MELAKA

PMR 1996

Soalan 5 berdasarkan jadual di bawah.

Negeri	Kadar cukai
India dan Arab	6%
Melaka	3%
Jawa, Moluku dan China	Memberi hadiah kepada kerajaan Melaka

- 5 Jadual di atas menunjukkan perbezaan kadar cukai yang dibayar oleh pedagang semasa berdagang di Melaka.
Perbezaan kadar cukai yang dibayar oleh pedagang tersebut berdasarkan
A kekerapan berdagang
B budi bicara pedagang
C jenis barang yang didagang
D hubungan antara pemerintah

(JAWAPAN D: NOTA 3d)

Soalan 7 berdasarkan pernyataan di bawah.

Pada bulan kesembilan tahun 1405, utusan ini sampai ke ibu kota negeri China. Maharaja China memuji pemerintahan mereka dan melantiknya sebagai raja negeri Melaka serta memberinya cop mohor, persalinan jubah sutera dan payung kuning.

Sejarah Ming

- 7 Apakah kesan **utama** peristiwa tersebut ke atas negeri China?
A Penghijrahan orang Cina secara beramai-ramai
B Permulaan peluasan kuasa Melaka ke atas tanah jajahan takluk
C Permulaan perdagangan Melaka dengan China secara meluas
D Pemerintahan Melaka terjamin dari ancaman Aceh

(JAWAPAN C: NOTA 3i)

- 52 Parameswara telah memilih Kuala Sungai Bertam sebagai tapak kerajaan Kesultanan Melayu Melaka.

Mengapakah Parameswara memilih tempat tersebut?

- I Untuk memudahkan membina istana
 - II Untuk memudahkan hubungan dengan Srivijaya
 - III Untuk memudahkan mengawal Selat Melaka
 - IV Untuk mendapatkan kerjasama daripada penduduk tempatan
- A I, II dan III C I, III dan IV
B I, II dan IV D II, III dan IV

PMR 1997

- 4 Parameswara pernah menghantar ufti tahunan kepada Siam.

Apakah matlamat penghantaran ufti tersebut?

- A Untuk mendapatkan pengiktirafan
- B Untuk mengeratkan hubungan
- C Untuk mendapatkan bantuan
- D Untuk mengelakkan ancaman


(JAWAPAN D: NOTA 3b)

- 5 Mengapakah pelabuhan Melaka menjadi tarikan pelbagai pedagang pada kurun ke-15?

- A Untuk mendapatkan faedah sistem cukai berkeutamaan
- B Untuk mendapatkan kemudahan menyimpan barang
- C Untuk mendapatkan perlindungan politik
- D Untuk mendapatkan taraf pemastautin

(JAWAPAN A: NOTA 3d)

Soalan 6 berdasarkan jadual di bawah.



- 6 Berdasarkan peristiwa di atas, apakah matlamat sebenar Parameswara?
- A Berazam untuk menguasai Kepulauan Melayu
 - B Berazam untuk membentuk kerajaan sendiri
 - C Berazam untuk mengukuhkan pemerintahannya
 - D Berazam untuk meluaskan empayar pemerintahannya

(JAWAPAN B)

- 7 Antara berikut yang manakah **bukan** kesan daripada hubungan antara Melaka dengan Negara China?
- A Melaka menamatkan penghantaran Bunga Emas ke Siam
 - B Raja Melaka diberi pengiktirafan oleh Maharaja Ming
 - C Melaka berkembang sebagai Pusat Perdagangan
 - D Raja Melaka berjaya mengalahkan Majapahit

(JAWAPAN D: NOTA 3i)

PMR 1998

- 5 Siam dan Majapahit merupakan musuh utama Melaka pada masa pemerintahan Parameswara.

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah tindakan yang diambil oleh Parameswara?

- A Menjalin hubungan diplomatik dengan China
- B Mendapat bantuan Orang Laut
- C Mengambil askar upahan dari Jawa
- D Membina kubu-kubu pertahanan di sekitar Melaka

(JAWAPAN A: NOTA 3i)

Soalan 7 berdasarkan petikan di bawah.

"Adapun pada zaman itu negeri Melaka terlalu sekali ramainya, segala dagangan berkampung. Maka dari Ayer Leleh datang ke Kuala Muar pasar tiada berputusan lagi, dari Kampung Kerling ke Kuala Penajuh itupun tiada berputusan".

Sejarah Melayu

- 7 Apakah yang ingin digambarkan dalam petikan di atas?
- A Pembukaan petempatan perdagangan baru di Melaka
 - B Kesibukan Melaka sebagai pusat perdagangan
 - C Keluasan kawasan pentadbiran kerajaan Melayu Melaka
 - D Perayaan menyambut kedatangan pedagang asing di Melaka

(JAWAPAN B: NOTA 3)

Soalan 8 berdasarkan pernyataan di bawah.

Pada pertengahan kurun ke-15, Melaka menggunakan mata wang emas dan perak dari India, Mesir dan Venice. Mata wang tempatan yang tertera dengan nama 'Muzaffar Syah Al Sultan' juga digunakan.

Mohd. Kassim Ali

- 8 Mengapakah penggunaan pelbagai mata wang tersebut?
- A Kecekapan sistem perdagangan
 - B Kesukaran sistem pertukaran barang
 - C Terdapat pelbagai jenis logam
 - D Tumpuan saudagar asing

(JAWAPAN D: NOTA 3)

PMR 1999

- 7 Apakah faktor yang menyebabkan kerajaan Melaka berkembang maju pada kurun ke-15?

I Kegiatan pertanian

II Sistem pengangkutan

III Sistem pentadbiran

IV Kepimpinan


A I dan II C III dan IV

B II dan III D I dan IV

(JAWAPAN C: NOTA 3a)

PMR 2000

Soalan 52 berdasarkan rajah di bawah.



52 Apakah kesimpulan yang dapat dibuat daripada maklumat dalam rajah di atas?

- I Keseragaman sistem pencukaian
 - II Kebajikan pedagang asing diutamakan
 - III Kesibukan Melaka sebagai pusat perdagangan
 - IV Kebijaksanaan pemerintah mengendalikan perdagangan
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

(JAWAPAN D: NOTA 3d)

4 Bagaimanakah Parameswara menguasai Pulau Temasik?

- A Membunuh Temagi
B Membuka Melaka
C Bantuan dari negara China
D Bersahabat dengan penduduk Muar

(JAWAPAN A: NOTA 2ii)

5 Bagaimanakah Parameswara memajukan Melaka sebagai pelabuhan entrepot?

- A Menyediakan pelbagai kemudahan urus niaga
B Memperbesarkan pelabuhan Melaka
C Memperkenalkan sistem mata wang
D Menghapuskan cukai perdagangan

(JAWAPAN A: NOTA 3c)

Soalan 51 berdasarkan jadual di bawah.

Negeri	Tokoh
Melaka	Parameswara
Johor	Sultan Abdul Jalil Syah II

51 Antara berikut yang manakah berkaitan dengan tokoh di atas?

- I Melantik pegawai yang cekap
 - II Mengenakan cukai yang berpatutan
 - III Menggalakkan pengeluaran tanaman eksport
 - IV Menyediakan pelbagai kemudahan pelabuhan
- | | |
|-----------------|------------------|
| A I, II dan III | C I, III dan IV |
| B I, II dan IV | D II, III dan IV |

(JAWAPAN B: NOTA 3h)

PMR 2001

Soalan 4 berdasarkan pernyataan di bawah.

Bahan makanan dari luar tidak dikenakan cukai import

4 Berdasarkan pernyataan di atas, mengapa Melaka mengamalkan dasar tersebut?

- A Membantu penduduk miskin
B Mengurangkan harga barang
C Menampung keperluan penduduk
D Menggalakkan perdagangan

(JAWAPAN C: NOTA 3g)


Soalan 5 berdasarkan maklumat di bawah.

Zaman Pemerintahan Parameswara
<ul style="list-style-type: none"> Menubuhkan angkatan laut Melaka Mewujudkan jawatan menteri dan bentara Memperkenalkan sistem perundangan

- 5 Tindakan di atas diambil oleh Parameswara bertujuan untuk
- A meluaskan wilayah
B menjamin keadilan
C menjamin keamanan
D mengukuhkan angkatan tentera

(JAWAPAN C: NOTA 3j)

Soalan 6 berdasarkan rajah di bawah.



- 6 Rajah di atas merupakan tugas sebagai seorang Syahbandar pada zaman Kesultanan Melayu Melaka kurun ke-15.

Apakah X?

- A Mengawal sistem timbangan
B Membanteras kegiatan lanun
C Mengawal perbendaharaan
D Melatih angkatan tentera

(JAWAPAN A: NOTA 5e)

Soalan 8 berdasarkan dialog di bawah.

Sultan Melaka:	Beta berhasrat berangkat ke Pasai tetapi kegiatan lanun di perairan Melaka membimbangkan.
Tokoh X :	Ampun tuanku! Perintah tuanku dijunjung. Patik menjamin keselamatan keberangkatan tuanku.

- 8 Siapakah tokoh X dalam dialog di atas?

- A Bentara C Syahbandar
B Laksamana D Temenggung

(JAWAPAN B: NOTA 5d)

Soalan 9 berdasarkan jadual di bawah.

Jawatan	
Sistem Kesultanan Melayu Melaka	Sistem Pemerintahan Malaysia
Bendahara	Perdana Menteri
Penghulu Bendahari	Menteri Kewangan
Temenggung	X

- 9 Berdasarkan jadual di atas, X ialah

- A Ketua Polis Negara
B Ketua Setiausaha Negara
C Ketua Turus Angkatan Laut
D Panglima Angkatan Tentera Darat

(JAWAPAN A: NOTA 5c)

- 51 Keadaan bentuk muka bumi telah membantu pertumbuhan ekonomi Melaka.

Apakah keadaan bentuk muka bumi tersebut?

- I Lautnya yang dalam
II Tanahnya yang subur
III Pantainya yang terlindung
IV Bukitnya menjadi kubu pertahanan
A I, II dan III C I, III dan IV
B I, II dan IV D II, III dan IV

(JAWAPAN C: NOTA 3h)

Soalan 52 berdasarkan pernyataan di bawah.

Mengikut Duarte Barbosa, bandar Melaka adalah pelabuhan yang terkenal dengan perdagangan borong dan perkapalan.

- 52 Berdasarkan pernyataan di atas, mengapakah pedagang berminat menjalankan aktiviti perdagangan di Melaka?

- I Keselamatan pedagang terjamin
II Pengecualian cukai perdagangan
III Sistem urus niaga yang sistematik
IV Kemudahan pelabuhan disediakan
A I, II dan III C I, III dan IV
B I, II dan IV D II, III dan IV

(JAWAPAN C: NOTA 3d)

PMR 2002

- 2 Kawasan bukit-bukau sekeliling perairan Selat Melaka menjadi penting kepada Kesultanan Melayu Melaka.

Mengapa?

- I Menjadi kawasan petempatan
 - II Menjadi panduan laluan kapal
 - III Menjadi kawasan kubu pertahanan
 - IV Menjadi kawasan sumber perdagangan
- | | |
|--------------|--------------|
| A I dan II | C III dan IV |
| B II dan III | D I dan IV |

(JAWAPAN A: NOTA 3h)

Soalan 3 berdasarkan maklumat di bawah.

MELAKA	
Akhir kurun ke-14	Akhir kurun ke-15
Perkampungan nelayan	Pusat perdagangan antarabangsa

- 3 Berdasarkan maklumat di atas, mengapakah berlakunya perubahan tersebut?

- I Kekayaan hasil laut
 - II Keamanan negara terjamin
 - III Kebijaksanaan pemerintah
 - IV Kejayaan mengalahkan Majapahit
- | | |
|--------------|--------------|
| A I dan II | C III dan IV |
| B II dan III | D I dan IV |

(JAWAPAN A: NOTA 5e)

Soalan 4 berdasarkan pernyataan di bawah.

Menurut Duarte Barbosa, seorang penulis bangsa Portugis, bandar Melaka adalah pelabuhan yang terkaya dengan jumlah pedagang borong yang datang dari seluruh dunia.

- 4 Berdasarkan pernyataan di atas, apakah gambaran penulis terhadap bandar Melaka?

- I Kekayaan hasil bumi
 - II Pusat pertemuan para ulama
 - III Pengumpulan hasil keluaran
 - IV Kemudahan menyimpan barang
- | | |
|--------------|--------------|
| A I dan II | C III dan IV |
| B II dan III | D I dan IV |

(JAWAPAN B: NOTA 3a, 3f)

Soalan 2 berdasarkan maklumat di bawah.

Parameswara seorang yang bijak dan berpandangan jauh dalam merancang pembangunan, kemajuan dan pertahanan Melaka.

- 2 Bagaimanakah Parameswara mengelakkan negeri Melaka daripada ancaman luar?

- I Menghantar ufti kepada Siam
 - II Memperkenalkan sistem perundangan
 - III Memberi layanan baik kepada pedagang
 - IV Mengadakan persahabatan dengan China
- | | |
|--------------|--------------|
| A I dan II | C III dan IV |
| B II dan III | D I dan IV |


(JAWAPAN D: NOTA 3b, 3j)

- 3 Kerajaan Melaka mengeluarkan Surat Kebenaran kepada pedagang pada kurun ke-15. Kepentingan surat tersebut ialah untuk

- A menggunakan gudang
- B berlabuh di pelabuhan
- C menjalankan urus niaga
- D belayar di Selat Melaka

(JAWAPAN C: NOTA 3e)

Soalan 4 berdasarkan rajah di bawah.




- 4 Rajah di atas menunjukkan hasil import kerajaan Melaka pada kurun ke-15. X ialah

- | | |
|------------|---------------|
| A beras | C permaidani |
| B tembikar | D ubat-ubatan |

(JAWAPAN A: NOTA 3g)

Soalan 5 berdasarkan rajah di bawah.



- 5 Rajah di atas merupakan faktor kekuatan Melaka pada kurun ke-15.

Apakah faktor X?

- A Kekayaan hasil bumi
- B Hubungan dengan Pasai
- C Angkatan laut yang kuat
- D Sokongan daripada rakyat

(JAWAPAN C: NOTA 3f)

- 52 Antara berikut faktor yang manakah menyebabkan Melaka muncul sebagai sebuah kerajaan yang berpengaruh pada kurun ke-15?

- I Pentadbiran yang cekap
 - II Angkatan laut yang kuat
 - III Kebudayaan yang pelbagai
 - IV Undang-undang yang berkesan
- A I, II dan III C I, III dan IV
 - B I, II dan IV D II, III dan IV

(JAWAPAN B: NOTA 3a, 3f)

PMR 2004

Soalan 4 berdasarkan maklumat di bawah.

- Bentan
- Temasik
- Lingga

- 4 Maklumat di atas berkaitan dengan petempatan orang laut.

Siapakah tokoh yang menyatakan demikian?

- A Tome Pires C Shellabear
- B Yin Ching D Parameswara

(JAWAPAN A: NOTA 2iv)

PMR 2005



- 5 Dialog di atas mungkin berlaku antara maharaja dan pembesar negara China.

Apakah maksud pengurniaan hadiah tersebut?

- A Perluasan kuasa
- B Pertukaran budaya
- C Pengiktirafan kerajaan
- D Perhubungan perdagangan

(JAWAPAN C: NOTA 3j)

Melaka yang pada mulanya sebuah kampung nelayan yang kecil bertukar menjadi sebuah pelabuhan entrepot terkenal semasa pemerintahan Parameswara.

- 6 Berdasarkan pernyataan di atas, pembangunan Melaka bergantung kepada

- A bantuan luar
- B kegiatan ekonomi
- C bentuk muka bumi
- D kewibawaan pemimpin

(JAWAPAN D: NOTA 3)

Lawatan Laksamana Yin Ching ke Melaka pada tahun 1404 diikuti oleh beberapa orang tokoh daripada kerajaan China.

- 7 Pernyataan di atas menunjukkan negeri Melaka menjalankan hubungan diplomatik dengan kerajaan China.

Kepentingan hubungan ini kepada negeri Melaka ialah

- A kekayaan budaya
- B keselamatan negeri
- C bentuk muka bumi
- D kewibawaan pemimpin

(JAWAPAN B: NOTA 3j)

PMR 2006

Laksamana :	Tuanku, Maharaja China tidak lagi memberi perhatian kepada negara luar.
Sultan :	Tidak mengapa. Kita sudah boleh mempertahankan negeri kita sendiri.

- 5 Dialog di atas mungkin berlaku antara Laksamana dengan Sultan Melaka selepas tahun 1430.

Keyakinan sultan disebabkan

- A kelengkapan peralatan perang
- B kewibawaan pemimpin
- C kesetiaan tentera
- D kerjasama rakyat

(JAWAPAN B: NOTA 5e)

PMR 2007

- Pokok bakau
- Pokok api-api

- 4 Maklumat di atas berkaitan dengan pokok yang dijadikan benteng pertahanan di Melaka.

Apakah nilai yang dapat anda kaitkan dengan kewujudan pokok tersebut?

- A Kebanggaan C Keberanian
- B Kesukuran D Ketabahan

(JAWAPAN B: NOTA 3h)

Tahun	Pembesar China yang melawat Melaka
1404	Laksamana Yin Ching
1405	Laksamana Cheng Ho

- 5 Apakah faedah lawatan tersebut terhadap Melaka?
- A Mendapat perlindungan
 - B Memperoleh tenaga buruh
 - C Memperoleh bahan makanan
 - D Menerima cukai perdagangan

(JAWAPAN A: NOTA 3j)

"Maka segala dagang atas angin dan bawah angin sekaliannya datang ke Melaka; terlalu ramai bandar Melaka pada zaman itu."

Sumber: *Sejarah Melayu*

- 6 Pernyataan di atas menggambarkan suasana yang sibuk di pelabuhan Melaka.


Mengapakah situasi tersebut berlaku?

- A Kecekapan sistem pentadbiran
- B Penggunaan sistem mata wang
- C Lokasi yang strategik
- D Surat kebenaran bermula dikeluarkan

(JAWAPAN A: NOTA 5e)

PMR 2008

- 4 Anak panah dalam Peta 1 menunjukkan arah perjalanan Parameswara dari Palembang ke Melaka




Peta 1

Apakah kawasan X?

- | | |
|-----------|--------|
| A Temasik | C Muar |
| B Kampar | D Siak |

(JAWAPAN A)

- 5 Rajah 1 menunjukkan peranan Laksamana dalam pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka



Rajah 1

Apakah X?

- A Pemungut hasil
- B Penasihat sultan
- C Pengusa bandar
- D Pengawal peribadi raja

(JAWAPAN D: NOTA 5d)

- 6 Senarai berikut merujuk kepada kawasan yang dianugerahkan sultan kepada pembesar tempatan di Melaka

Bendahara	-	Bentan
Laksamana	-	Temasik
Hulubalang	-	Sungai Rayá

Anugerah tersebut dikenali sebagai

- A jajahan takluk
- B daerah warisan
- C wilayah naungan
- D kawasan pegangan

(JAWAPAN D: NOTA 5)

PMR 2009

- 4 Dialog berikut mungkin berlaku pada awal kurun ke-15.

Parameswara :	Beta berpendapat tempat ini sangat sesuai dan strategik.
Pembesar :	Benar Tuanku. Banyak pokok bakau dan api-api di sini.

Apakah tindakan Parameswara seterusnya?

- A Melaksanakan dasar peluasan kuasa
- B Mengasaskan kerajaan baru
- C Membina kubu pertahanan
- D Memajukan sumber asli

(JAWAPAN B)

- 5 Senarai berikut merupakan kurniaan Maharaja China kepada Parameswara.

- Cap mohor
- Payung kuning
- Sepersalinan pakaian

Apakah kesan pengurniaan tersebut terhadap Melaka?

- A Pemerintahan teratur
- B Keselamatan terjamin
- C Perpaduan dalam kalangan Melayu
- D Kegiatan intelektual berkembang

(JAWAPAN B: NOTA 3j)

- 6 Jadual 1 merujuk kepada jawatan dan peranan seorang pembesar Melaka.

Jawatan	Peranan
X	<ul style="list-style-type: none"> • Ketua Hakim • Ketua turus angkatan perang

Jadual 1

Apakah X?

- | | |
|-------------|----------------------|
| A Bendahara | C Temenggung |
| B Laksamana | D Penghulu Bendahara |

(JAWAPAN A: NOTA 5a)

- 7 Senarai berikut adalah 'kawasan pegangan' seorang pembesar Melaka.

- Sening Ujung
- Kampar

Apakah jawatan pembesar tersebut?

- A Shahbandar
- B Laksamana
- C Hulubalang
- D Penghulu Bendahari

(JAWAPAN D: NOTA 5b)

PMR 2010

- 4** Tokoh berikut telah melawat Melaka antara tahun 1404 dengan tahun 1405.

- Laksamana Yin Ching
- Laksamana Cheng Ho

Mengapakah mereka melawat Melaka?

- A Menganugerahkan pengiktirafan
- B Membentuk pakatan tentera
- C Mengadakan rundingan damai
- D Memperkuuh sistem pertahanan

(JAWAPAN A: NOTA 3j)

- 5** Gambar berikut menunjukkan pokok bakau yang banyak terdapat di perairan Melaka.



Apakah kepentingannya kepada kerajaan Melaka?

- A Memperkuuh benteng pertahanan
- B Menjadi panduan pedagang
- C Menghalang angin monsun
- D Menjadi bahan eksport

(JAWAPAN A: NOTA 2, 3h)

- 6** Petikan berikut menggambarkan suasana di pelabuhan Melaka pada kurun ke-15.

“... di pelabuhan Melaka biasanya terdapat lapan puluh empat bahasa dituturkan, tiap-tiap satunya berlainan....”


Sumber: *The Suma Oriental of Tome Pires*
Mengapakah suasana tersebut berlaku di pelabuhan Melaka?

- A Peningkatan hubungan diplomatik
- B Perkembangan kegiatan intelektual
- C Kegiatan penyebaran agama
- D Tumpuan pedagang asing

(JAWAPAN D: NOTA 3)

PMR 2011

- 5** Peta berikut menunjukkan Melaka menerima ancaman luar.



Tindakan Parameswara memohon bantuan dari China untuk mengatasi ancaman tersebut membuktikan baginda seorang yang

- A berhemah
- B berkeyakinan diri
- C bersemangat waja
- D berfikiran strategik

(JAWAPAN D: NOTA 3j)

- 6** Dalam sistem pentadbiran kerajaan Melayu Melaka, “kawasan pemakanan” merujuk kepada kawasan

- A petempatan
- B percuaian
- C perdagangan
- D perlombongan

(JAWAPAN B: NOTA 5)

TINGKATAN 1 (BAB 5) : KEGEMILANGAN MELAKA

PMR 1996

- 4 Seorang penulis Portugis pernah menyatakan bahawa sesiapa yang berjaya menguasai Melaka bererti berjaya mencerut leher bandar Venice.

Apakah yang dimaksudkan dengan kata-kata itu?

- A Penguasaan Melaka bererti kemusnahan bandar Venice
- B Penguasaan Melaka bererti penguasaan perdagangan di Eropah
- C Penguasaan Melaka bererti melumpuhkan perdagangan di Venice
- D Penguasaan Melaka bererti melemahkan perkembangan agama Kristian di Eropah

(JAWAPAN B)

Soalan 6 berdasarkan pernyataan di bawah.

Bendahara Paduka Raja Tun Perak adalah bendahara yang terkenal di Melaka. Beliau digelar sebagai Pelantik Raja.

- 6 Berdasarkan pernyataan di atas, mengapakah Tun Perak diberi gelaran sedemikian?
- A Kerana mengahwinkan adiknya dengan Sultan Muzaffar Shah
 - B Kerana mempengaruhi pemilihan sultan Melaka
 - C Kerana menjadi bendahara semasa pemerintahan empat orang Sultan
 - D Kerana meluaskan tanah jajahan takluk Melaka

(JAWAPAN B: NOTA 4a)

PMR 1998

- 3 Bahasa Melayu menjadi bahasa perdagangan antarabangsa di Melaka pada kurun ke-15.

Mengapa?

- I Bahasa yang mudah menerima perkataan asing
 - II Bahasa rasmi negeri Melaka
 - III Bahasa perantaraan di Kepulauan Melayu
 - IV Bahasa yang disyaratkan dalam perdagangan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

(JAWAPAN C: NOTA 2)

- 6 Peranan golongan Kiwi dalam kegiatan perdagangan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka ialah
- A menjadi orang tengah
 - B mengutip cukai
 - C membantu nakhoda
 - D menjalankan perniagaan

(JAWAPAN C: NOTA 5a)

Soalan 9 berdasarkan senarai di bawah.

- Pulau Jawa
- Kalimantan
- Filipina

- 9 Agama Islam telah tersebar melalui Melaka pada kurun ke-15 ke kawasan di atas.

Bagaimanakah agama itu disebarluaskan?

- A Melalui pendakwahan
- B Melalui penaklukan
- C Melalui perkahwinan
- D Melalui penjaminan perlindungan

(JAWAPAN A: NOTA 8e)

PMR 1999

Soalan 9 berdasarkan petikan di bawah.

“Adat hamba Melayu tidak pernah derhaka, tetapi akan kita bertuarkan raja seorang ini janganlah.”

Sejarah Melayu

- 9 Apakah peristiwa yang membawa kepada kata-kata di atas?
- A Tun Besar dibunuh oleh Raja Muhammad
 - B Tun Kudu diceraikan oleh Sultan Muzaffar Syah
 - C Tun Perak disingkirkan oleh Raja Muhammad
 - D Tun Ali dipaksa meletak jawatan oleh Sultan Muzaffar Syah

(JAWAPAN A: NOTA 4b)

Soalan 11 berdasarkan jadual di bawah.


Sultan	Sumbangan
A Muzaffar Syah	Pengenalan pelabuhan entreport
B Mansur Syah	Perluasan jajahan takluk
C Alauddin Riayat Syah	Penyebaran agama Islam
D Mahmud Syah	Pemerintah yang berwibawa

- 11 Berdasarkan jadual di atas pernyataan yang manakah tepat?

(JAWAPAN B: NOTA 3)

PMR 2000

Soalan 7 berdasarkan rajah di bawah.



- 7 Berdasarkan rajah di atas, bagaimanakah ketiga-tiga wilayah tersebut bernaung di bawah Melaka?
 A Pengislaman
 B Perkahwinan
 C Secara paksaan
 D Secara sukarela

(JAWAPAN D: NOTA 3a)

- 8 Raja Muhammad, putera Sultan Mansur Shah telah membunuh anak Tun Perak.

Apakah kesan langsung daripada peristiwa di atas?

- A Pemecatan Raja Muhammad
 B Pengurangan pengaruh Sultan
 C Penabalan Raja Muhammad di Pahang
 D Perhubungan kedua-dua pihak renggang

(JAWAPAN C: NOTA 4b)

Soalan 9 berdasarkan jadual di bawah.

Sultan	Sumbangan
Muzaffar Syah	Peluasan kuasa
Alauddin Riayat Syah	X

- 9 Kedua-dua pemerintah di atas terkenal dengan sumbangannya semasa kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka pada kurun ke-15.
 X ialah
 A keselamatan C perdagangan
 B kebudayaan D perhubungan

(JAWAPAN A: NOTA 7)

- 10 Pada kurun ke-15, Melaka dianggap sebagai serambi Makkah.

Mengapakah Melaka dianggap sedemikian?

- A Pusat pertemuan para ulama Arab
 B Pusat tumpuan kegiatan intelektual
 C Tempat belajar urusan mengerjakan haji
 D Tempat permulaan pelayaran ke tanah suci

(JAWAPAN C: NOTA 11)

Soalan 53 berdasarkan pernyataan di bawah.


Kedatangan Islam ke Melaka telah disambut baik oleh pemimpin dan rakyat Melaka.

- 53 Berdasarkan pernyataan di atas, apakah kesannya kepada kerajaan Melaka pada kurun ke-15?
 I Islam menjadi agama rasmi
 II Tulisan Arab dijadikan tulisan jawi
 III Istana menjadi tumpuan intelektual
 IV Amalan tradisi tempatan dihapuskan
 A I, II dan III
 B I, II dan IV
 C I, III dan IV
 D II, III dan IV

(JAWAPAN : NOTA 10b+10d)

PMR 2001

Soalan 7 berdasarkan peta di bawah.



- 7 Penaklukan kedua-dua kawasan yang berlorek pada peta di atas memudahkan Kesultanan Melayu Melaka
 A mendapatkan bekalan ubat-ubatan
 B menempatkan angkatan tentera
 C mengawal eksport beras
 D mengawal eksport emas


(JAWAPAN D: NOTA 3e)

- 53 Antara berikut yang manakah peranan istana dalam perkembangan agama Islam pada zaman Kesultanan Melayu Melaka?
 I Tempat perbincangan ulama Islam
 II Tempat pertemuan pedagang Islam
 III Tempat mempelajari agama Islam
 IV Tempat menterjemahkan kitab Islam
 A I, II dan III C I, III dan IV
 B I, II dan IV D II, III dan IV

(JAWAPAN C: NOTA 10b)

PMR 2002

Soalan 5 berdasarkan peta di bawah.



- 5 Kawasan berlorek dalam peta di atas merujuk kepada jajahan takluk Melaka pada kurun ke-15.

Bagaimanakah kerajaan Melaka mengukuhkan kuasanya di kawasan tersebut?

- A Menghantar angkatan tentera
 B Menyeragamkan sistem perundangan
 C Memperkenalkan sistem cukai yang seragam
 D Menyerahkan pentadbiran wilayah kepada pembesar

(JAWAPAN D: NOTA 3c)

Soalan 7 berdasarkan dialog di bawah.

Sultan Mansur Syah	: "Pergi mamanda ke negeri Pasai tu. Cari jawapan kepada soalan beta ini ... Syurga dan segala isi itukekalkah ia di dalam syurga dan isi neraka itukekalkah ia dalam neraka?"
Bija Wangsa	: "Patik menjunjung titah tuanku!"

- 7 Dialog di atas membuktikan bahawa sultan
 A mementingkan ilmu akhirat
 B menyanjungi golongan ulama
 C ingin menyebarkan agama Islam
 D berminat dalam persoalan agama Islam

(JAWAPAN D: NOTA 9)

PMR 2003

- 6 Kerajaan Pasai terhutang budi kepada Kesultanan Melayu Melaka kerana Melaka
 I berjaya mengalahkan Aru
 II mendapat peluang perdagangan
 III memperkenalkan pentadbiran yang sistematis
 IV menumpaskan golongan yang merebut takhta
 A I dan II C III dan IV
 B II dan III D I dan IV

(JAWAPAN D: NOTA 3b)

- 7 Sultan Alauddin Riayat Shah meronda pada waktu malam untuk memastikan keamanan di Melaka.
 Apakah ungkapan yang sesuai bagi menggambarkan tindakan baginda?
 A Rajin tangga kejayaan
 B Ikhlas membawa berkat
 C Amanah asas kesejahteraan
 D Kepimpinan melalui teladan

(JAWAPAN D: NOTA 7)**Soalan 8 berdasarkan maklumat di bawah.**

- Tun Perak mengarahkan tenteranya supaya membawa keluarga bersama-sama dalam perang
 - Tun Perak mengarahkan tenteranya supaya mengikat beratus-ratus obor untuk menakutkan tentera Siam
- 8 Berdasarkan maklumat di atas, apakah kesimpulan daripada tindakan tersebut?
 I Melibatkan wanita dalam ketenteraan
 II Memudahkan penglihatan pada waktu malam
 III Kepentingan negara mengatasi kepentingan keluarga
 IV Kebijaksanaan pemimpin dalam menghadapi cabaran
 A I dan II C III dan IV
 B II dan III D I dan IV

(JAWAPAN C: NOTA 4c, 4d)**Soalan 9 berdasarkan petikan di bawah.**

“Syurga dan segala isi itukekalkah ia di dalam syurga dan isi neraka itukekalkah ia di dalam neraka.”

Sejarah Melayu

- 9 Petikan di atas merupakan titah Sultan Mansur Shah kepada penasihatnya.
 Apakah kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan petikan tersebut?
 A Mempercayai hari pembalasan
 B Istana menjadi pusat keilmuan
 C Agama menjadi panduan hidup
 D Minat pemerintah mendalamai agama Islam

(JAWAPAN D: NOTA 9)

- 51 Apakah kesan langsung Undang-undang Laut Melaka ke atas aktiviti perdagangan?
 I Perniagaan berjalan lancar
 II Pelabuhan diurus dengan berkesan
 III Pedagang berurus niaga dengan selamat
 IV Perniagaan dimonopoli golongan pembesar
 A I, II dan III C I, III dan IV
 B I, II dan IV D II, III dan IV

(JAWAPAN A: NOTA 5b)

- 53 Bagaimanakah Kerajaan Melaka meluaskan kuasanya pada kurun ke-15?
 I Melalui perjanjian
 II Serangan ke atas wilayah jiran
 III Kerelaan negeri-negeri yang terlibat
 IV Campur tangan dalam perbalahan politik
 A I, II dan III
 B I, II dan IV
 C I, III dan IV
 D II, III dan IV

(JAWAPAN D: NOTA 3a, 3b,3c)

- 54 Apakah yang menyebabkan agama Islam diterima dengan mudah pada zaman Kesultanan Melayu Melaka?
 I Prinsipnya senang difahami
 II Mengutamakan persaudaraan sejagat
 III Penduduk tidak mempunyai kepercayaan
 IV Pemimpin memberi layanan yang istimewa
 A I, II dan III C I, III dan IV
 B I, II dan IV D II, III dan IV

(JAWAPAN B: NOTA 13)

PMR 2004

Soalan 6 berdasarkan maklumat di bawah.


Tahun	Peristiwa
1456	Melaka berjaya mematahkan serangan Siam.

- 6 Berdasarkan maklumat di atas, kejayaan tersebut disebabkan

- I strategi yang sesuai
 - II kepemimpinan yang cekap
 - III kubu pertahanan yang kukuh
 - IV peralatan perang yang lengkap
- A I dan II C III dan IV
 B II dan III D I dan IV

(JAWAPAN A: NOTA 4d)

Soalan 5 berdasarkan peta di bawah.



- 5 Peta di atas merujuk kepada jajahan takluk Melaka pada kurun ke-15.

Bagaimakah Kesultanan Melayu Melaka memastikan pentadbiran jajahan takluknya berjalan lancar?

- A Mentadbir secara terus
- B Menggunakan kekerasan
- C Mempelbagaikan sistem pemerintahan
- D Mewakilkan kuasanya kepada pembesar

(JAWAPAN D: NOTA 3c)

- 7 Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan pelantikan Tun Perak sebagai Bendahara Melaka?

- A Berwibawa dalam tugasnya
- B Anak Bendahara Sri Wak Raja
- C Mendapat sokongan pembesar Melaka
- D Berjaya menghapuskan pemberontakan

(JAWAPAN A: NOTA 4, 4a)

PMR 2005

- 8 Kesan perkembangan agama Islam di negeri Melaka jelas dilihat dengan kewujudan

- A sastera lisan
- B sistem sosial
- C institusi kesultanan
- D hubungan diplomatik

(JAWAPAN C: NOTA 10, 10a)

- 9 Apakah faktor yang membantu kejayaan Tun Perak menghalang serangan Siam pada tahun 1456?

- A Kelengkapan senjata
- B Kemantapan strategi
- C Kekuahan pertahanan
- D Kerjasama negeri naungan

(JAWAPAN B: NOTA 4d)

PMR 2006

Beta menerima utusan dari Pasai yang meminta bantuan untuk mengalahkan musuh. Hantarkan segera tentera ke sana.



- 6 Dialog di atas menggambarkan wujudnya hubungan yang baik antara Melaka dengan Pasai.

Apakah bentuk hubungan tersebut?

- A Setaraf C Taklukan
- B Naungan D Ketuanan

(JAWAPAN A: NOTA 3b)

PMR 2007

Tokoh	Tindakan
Tun Perak	Mengarahkan pengikutnya membawa keluarga masing-masing berpindah ke Melaka bagi menghadapi serangan Siam.


- 7 Jadual di atas merujuk kepada tindakan Tun Perak dalam menghadapi serangan Siam pada tahun 1445. Mengapakah beliau mengambil tindakan tersebut?
- A Menakutkan pihak lawan
B Melengahkan pergerakan musuh
C Menaikkan semangat angkatan tentera
D Menambah bilangan penduduk

(JAWAPAN C: NOTA 4c)

TINGKATAN 1 (BAB 6) : KEMOROSOTAN MELAKA

PMR 1996

Soalan 8 berdasarkan rajah di bawah.



- 8 Rajah di atas menunjukkan faktor kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka.

Apakah faktor X itu?

- A Perebutan kuasa antara pembesar
B Pemberontakan negeri naungan
C Kemerosotan pengaruh agama Islam
D Kebangkitan kuasa Aceh

(JAWAPAN A: NOTA 2a)

- 53 Antara berikut, apakah faktor yang menyebabkan Melaka merosot sebagai pusat perdagangan semasa pemerintahan Portugis?

- I Portugis mengamalkan dasar menindas pedagang Islam
 - II Saudagar Arab memulaukan perdagangan di Melaka
 - III Melaka sering diserang oleh kerajaan Johor
 - IV Pegawai Portugis mengamalkan rasuah
- | | |
|-----------------|------------------|
| A I, II dan III | C I, III dan IV |
| B I, II dan IV | D II, III dan IV |

(JAWAPAN A)

PMR 1998

- 11 Johor gagal menawan Melaka daripada Portugis antara tahun 1553 hingga tahun 1606 kerana
- A Johor sering menghadapi serangan Aceh
B Johor tidak dapat menembusi pertahanan Portugis di Kota A-Famosa
C Johor mempunyai ibu kota yang sering bertukar tempat
D Johor mempunyai rakyat yang tidak bersatu padu

(JAWAPAN B: NOTA 8)

PMR 1999

Soalan 8 berdasarkan dialog di bawah.

Raja Mandeliar : Khabarnya Tun Mutahir ingin merampas kuasa Tuanku.

Sultan Mahmud : Apa? Beta tidak menyangka Tun Mutahir sanggup berbuat demikian. Tangkap Tun Mutahir. Beta akan jatuhkan hukuman bunuh...

- 8 Apakah pengajaran yang boleh diambil daripada hukuman yang dijatuhkan oleh Sultan Mahmud Syah itu?
- A Tidak menyalahgunakan kuasa
B Berhati-hati dalam tindakan
C Tidak berlaku zalim
D Bersikap adil

(JAWAPAN B: NOTA 2d)

PMR 2002

- 11 Apakah faktor kejayaan Portugis mengkekalkan kekuasaannya selama 130 tahun di Melaka?
- Mengelakkan daripada terlibat dalam perperangan
 - Menjalinkan persahabatan dengan Aceh
 - Menguatkan ketahanan kota A Famosa
 - Mempunyai tentera laut yang ramai

(JAWAPAN C: NOTA 8)

Soalan 10 berdasarkan maklumat di bawah.

Alfonso d'Albuquerque telah mengemukakan tuntutan sebelum Portugis menyerang Melaka.

- 10 Antara berikut yang manakah berkaitan dengan tuntutan Alfonso kepada Sultan Melaka?
- Mbenarkan pembinaan kubu pertahanan
 - Mbenarkan tawanan Portugis dibebaskan
 - Mbenarkan kemasukan mubaligh Kristian
 - Mbenarkan kegiatan perdagangan rempah
- | | |
|--------------|--------------|
| A I dan II | C III dan IV |
| B II dan III | D I dan IV |

(JAWAPAN A: NOTA 3b)

PMR 2003

Soalan 10 berdasarkan maklumat di bawah.

- Portugis berjaya menguasai jambatan penting di Melaka
- Pedagang asing menyediakan beberapa buah tongkang untuk tentera Portugis mendarat

- 10 Apakah kesan daripada peristiwa di atas?
- Rakyat bersatu padu
 - Sultan melarikan diri
 - Pembesar bersengketa
 - Perdagangan rempah merosot

(JAWAPAN A: NOTA 4)

PMR 2005

- 10 Masalah perpaduan di Melaka pada kurun ke-16 berpunca daripada
- perebutan kuasa
 - persaingan kaum
 - persengketaan pemerintah
 - perbezaan amalan keagamaan
- | | |
|-----------------|------------------|
| A I, II dan III | C I, III dan IV |
| B I, II dan IV | D II, III dan IV |

(JAWAPAN A: NOTA 2 a, b, c)


PMR 2006

Sultan Mahmud Shah enggan membebaskan tawanan dan membayar ganti rugi kepada Portugis.

- 7 Pernyataan di atas menerangkan Sultan Mahmud Shah menolak tuntutan Portugis.
- Apakah kesan tindakan baginda?
- Perebutan takhta
 - Kejatuhan kerajaan
 - Kebangkitan rakyat tempatan
 - Perpindahan pusat pentadbiran

(JAWAPAN B: NOTA 3c)

PMR 2007




- 8 Rajah di atas merupakan faktor kejayaan Portugis menawan Melaka pada tahun 1511.

Apakah X?

- Mempunyai askar upahan
- Menggunakan senjata moden
- Menerima sokongan peribumi
- Membina kubu pertahanan

(JAWAPAN B: NOTA 7d)




- 9 Rajah di atas menunjukkan tuntutan Alfonso de Albuquerque kepada Sultan Melaka. Apakah X?
- Mendirikan gereja
 - Membina kubu
 - Meluaskan pelabuhan
 - Memperbanyak gudang

(JAWAPAN B: NOTA 3b)

PMR 2008

- 7 Garis masa berikut menunjukkan kronologi kejatuhan kerajaan Melayu Melaka ke tangan Portugis



Apakah faktor yang membawa kepada kejatuhan tersebut?

- Pembesar tempatan berebut kuasa
 - Askar upahan berpaling tada
 - Bilangan tentera sedikit
 - Wilayah naungan membebaskan diri
- I dan II
 - C II dan III
 - B I dan IV
 - D III dan IV

(JAWAPAN A: NOTA 6b, 6f)

PMR 2009

- 8 Mengapakah dasar perdagangan Portugis di Melaka menyebabkan para pedagang beralih ke Aceh?

- Perubahan sistem mata wang
- Kekurangan bahan mentah
- Kenaikan kadar cukai
- Peningkatan harga barang dagangan

(JAWAPAN C: NOTA 9)

PMR 2010

- 8 Senarai berikut adalah slogan Portugis dalam misi penjelajahan ke Timur.


- *Gold*
- *Gospel*
- *Glory*

Mengapakah slogan tersebut digunakan?

- Mengembangkan pendidikan sekular
 - Menguasai perdagangan rempah
 - Menyebarluaskan agama Kristian
 - Memasarkan barang industri
- I dan II
 - C II dan III
 - B I dan IV
 - D III dan IV

(JAWAPAN C: NOTA 10 b, c)

- 9 Rajah berikut menunjukkan perpindahan pedagang dari Melaka ke pelabuhan lain pada zaman pemerintahan Portugis di Melaka.



Mengapakah perpindahan tersebut berlaku?

- Barang dagangan berkurangan
- Kadar cukai meningkat
- Sistem perundangan lemah
- Kemudahan perniagaan terhad

(JAWAPAN B: NOTA 9)

PMR 2011

- 7 Apakah yang terkandung dalam Hikayat Muhammad Ali Hanafiah sehingga berjaya menaikkan semangat juang askar Melaka semasa menentang serangan Portugis?

- Kewibawaan pemimpin
- Keberkesanan strategi
- Keberanian pahlawan
- Kesetiaan rakyat

(JAWAPAN C: NOTA 5)

- 8 Dialog berikut mungkin berlaku pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Raja Mendeliar: Ampun tuanku.
Patik mendapati Tun Mutahir cuba mengatasi kekayaan tuanku.
Sultan Mahmud Shah: Apakah benar kata-katamu itu Raja Mendeliar?

Apakah kesan daripada kata-kata Raja Mendeliar itu?

- A Perebutan takhta berlaku
- B Perpaduan terjejas
- C Perang saudara tercusus
- D Perubahan sistem pentadbiran

(JAWAPAN B: NOTA 2d)

- 9 Pada kurun ke-16, pedagang asing dari Melaka berpindah ke Aceh.

Mengapa mereka berbuat demikian?

- A Bahan dagangan berkurangan
- B Dasar perdagangan berubah
- C Gangguan angin monsun
- D Perairan semakin ceteak

(JAWAPAN B: NOTA 9)

TINGKATAN 1 (BAB 7)
JOHOR MENEGAKKAN SEMULA KEWIBAWAAN KESULTANAN MELAKA

PMR 1996

Soalan 55 berdasarkan pernyataan di bawah.

Kerajaan Johor semasa pemerintahan Sultan Abdul Jalil (1623 – 1677) muncul sebagai satu kuasa yang kuat di perairan Selat Melaka pada kurun ke-17.


Abdullah Zakaria bin Ghazali

- 55 Berdasarkan pernyataan di atas, mengapa Johor menjadi sebuah kuasa yang kuat pada kurun tersebut?

- I Kecekapan pemerintahan
 - II Kemerosotan kuasa Aceh
 - III Perlindungan dari Portugis
 - IV Peluasan kegiatan perdagangan
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

(JAWAPAN B: NOTA 1 b,d,c)

- 10 Rajah berikut menunjukkan pergerakan Sultan Mahmud Shah selepas Melaka ditawan Portugis pada tahun 1511.



Apakah X?

- A Riau
- B Jambi
- C Bentan
- D Lingga

(JAWAPAN C: NOTA 11)

PMR 1997

Soalan 8 berdasarkan pernyataan di bawah.

Semasa pemerintahan Belanda di Melaka, pembesar Johor diberi keistimewaan berdagang di Selat Melaka.

- 8 Mengapa pihak Belanda berbuat demikian?
- A Mengiktiraf kedaulatan Johor di Kepulauan Melayu
 - B Mendapat sokongan Johor bagi menentang Aceh
 - C Membalas jasa Johor ketika menyerang Melaka
 - D Meminta kerjasama Johor menentang ancaman lanun

(JAWAPAN C: NOTA 1 c)

- 9 Apakah faktor **utama** yang menyebabkan Acheh dan Johor menjadi pusat perdagangan yang penting di Kepulauan Melayu pada kurun ke-16 dan ke-17?

- A Kejatuhan kerajaan Melayu Melaka
- B Kedudukan pelabuhan yang strategik
- C Kewujudan kerajaan Islam yang kuat
- D Kebijaksanaan pemerintah

(JAWAPAN D: NOTA 1d, 8)

PMR 1998

Soalan 12 berdasarkan maklumat di bawah.

Laksamana Tun Abdul Jamil merupakan seorang pembesar yang banyak berjasa kepada kerajaan Johor dari tahun 1673 – 1688.

- 12 Apakah sumbangan beliau?

- A Menubuhkan pusat pentadbiran di Johor Lama
- B Mengusir kuasa Bugis dari Johor
- C Menjalinkan hubungan Johor-Pahang
- D Memajukan semula Johor sebagai pusat perdagangan

(JAWAPAN D)

Soalan 13 berdasarkan pernyataan di bawah.

Pada awal kurun ke-18 Orang Laut meninggalkan Johor dan kembali ke tempat asal mereka.

- 13 Mengapakah keadaan tersebut berlaku?

- A Bugis menguasai pemerintahan Johor
- B Johor tidak lagi terlibat dalam perperangan
- C Kewibawaan Orang Laut diragui
- D Orang Laut ingin mempertahankan tempat asal mereka

(JAWAPAN A: NOTA 4)

- 14 Pada tahun 1570, Johor di bawah pemerintahan Sultan Muzaffar Syah telah diserang oleh Acheh.

Mengapa?

- A Baginda menyekat perdagangan Acheh di Selat Melaka
- B Baginda enggan berkahwin dengan puteri Acheh
- C Baginda membantu Portugis menentang Acheh

- D Baginda menyerang kawasan taklukan Acheh

(JAWAPAN C: NOTA 2)


- 52 Kerajaan Johor telah muncul sebagai sebuah pusat perdagangan yang maju pada abad ke-17 kerana

- I sistem pentadbiran yang cekap
 - II kemerosotan pengaruh Melaka
 - III mempunyai kekuatan armada laut
 - IV mendapat sokongan Belanda
- | | |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"> A I, II dan III B I, II dan IV | <ul style="list-style-type: none"> C I, III dan IV D II, III dan IV |
|---|---|

(JAWAPAN C: NOTA 1c, d, e)

PMR 1999

Soalan 12 berdasarkan rajah di bawah.



- 12 Rajah di atas menunjukkan perpindahan ibu kota Empayar Johor dari kurun ke-16 hingga ke-17.

Mengapakah berlaku perpindahan tersebut?

- A Perang Tiga Segi
- B Kemudahan pelabuhan
- C Strategi pertahanan
- D Bencana alam

(JAWAPAN C: NOTA 2b)

PMR 2002

Soalan 12 berdasarkan jadual di bawah.

Tahun	Peristiwa
1745	Perjanjian antara Belanda dengan pembesar Johor


- 12 Apakah tujuan perjanjian di atas ditandatangani?

- A Memajukan perdagangan di Johor
- B Mengambil alih loji Belanda di Johor
- C Menyingkirkan orang Bugis dari Johor
- D Mengusir orang Minangkabau dari Johor

(JAWAPAN A: NOTA 1c)

PMR 2004

Soalan 8 berdasarkan rajah di bawah.



- 8 Apakah punca perperangan tersebut?
- Untuk merampas tampuk pemerintahan Johor
 - Untuk menguasai Selat Melaka
 - Untuk memecahkan monopoli perdagangan Portugis
 - Untuk menunjukkan kekuatan tentera masing-masing

(JAWAPAN B: NOTA 2a)

PMR 2005

Tahun	Pusat Kerajaan
1564 – 1564	Pekan Tua
1571 – 1571	Sayong/Johor Lama/Seluyut
1597 – 1597	Tanah Putih

- 12 Merujuk maklumat di atas, mengapakah pusat pentadbiran kerajaan Johor sering berpindah?
- Menerima ancaman luar
 - Mengukuhkan kuasa sultan
 - Mengawal kegiatan perdagangan
 - Memastikan pembangunan rakyat

(JAWAPAN A: NOTA 2b)


PMR 2007

- 10 Bagaimanakah orang Bugis mengukuhkan pengaruh mereka di Johor?
- Menggubal undang-undang
 - Mengahwini anak raja tempatan
 - Mencampuri urusan pentadbiran
 - Mendapatkan bantuan kuasa luar
- I dan II
 - II dan III
 - III dan IV
 - I dan IV

(JAWAPAN B: NOTA 3b)

PMR 2008

- 1 Rajah 2 menunjukkan kegemilangan kerajaan Johor pada kurun ke-17



X merujuk kepada peranan Johor sebagai pusat

- pertanian
- pangkalan tentera
- persuratan Melayu
- penggubalan undang-undang

(JAWAPAN C: NOTA 1)

PMR 2009

- 9 Senarai berikut merupakan kuasa yang mengancam keselamatan kerajaan Johor.

- Portugis
- Aceh

Bagaimanakah kerajaan Johor menghadapi ancaman kuasa tersebut?

- Mendapatkan perlindungan China
- Menerima bantuan Siam
- Memindah pusat pentadbiran
- Mengukuhkan perpaduan kaum

(JAWAPAN C: NOTA 2b)

PMR 2010

- 10 Senarai berikut merujuk kepada tugas satu golongan masyarakat di Johor pada kurun ke-17.

- Penunjuk arah
- Pengawal pelabuhan
- Pendayung kapal kerajaan

Golongan masyarakat manakah yang menjalankan tugas tersebut?

- Orang Asli
- Orang Laut
- Orang Bugis
- Orang Jawa

(JAWAPAN B: NOTA 4)

11 Menurut Thomas Silcher, terlalu banyak bilangan kapal yang berlabuh di pelabuhan Johor pada tahun 1689.

Apakah faktor yang mendorong keadaan tersebut berlaku?

I Pelaksanaan cukai berkeutamaan

II Perlindungan kuasa asing

III Kecekapan pentadbiran

IV Kemudahan perdagangan

A I dan II C II dan III

B I dan IV D III dan IV

(JAWAPAN D: NOTA 1d, 1e)